



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 30 JANUARI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	'JANGAN MANIPULASI ISU ATAU BERITA', MENGHAPUS KEBENCIAN, MEMBINA PERPADUAN, SH -19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3.	ANCAMAN IKAN BAUNG EKOR MERAH, LOKAL, HM -20 JABATAN PERIKANAN MINTA NELAYAN LAPOR KEMUNCULAN BAUNG EKOR MERAH, BH -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5.	CUBA SELUDUP PRODUK PERTANIAN, LOKAL, HM -20 MAQIS RAMPAS KELUARAN PERTANIAN, SOTONG KERING, BH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7. 8. 9. 10. 11.	'AGENDA LICIK BARAT HALAU RAKYAT PALESTIN', NASIONAL, BH -6 HASIL PENYELIDIKAN UMP DIGUNA SYARIKAT PERTANIAN QATAR, VARSITI, BH -8 PESTA DI SAWAH, LOKAL, HM -20 COOL JOB FOR YOUTHS - DRONE PILOTING AT PADI FIELDS, NATION, THE STAR -8 'PILOT' MUDA TABUR BAKTI DI SAWAH, MY METRO -ONLINE SIBU BOLEH MAIN PERANAN TINGKATKAN PENGELUARAN MAKANAN SEGERA, SH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2020	SINAR HARIAN	MENGHAPUS KEBENCIAN, MEMBINA PERPADUAN	19

# 'Jangan manipulasi isu atau berita'

Salahuddin tegur semua pihak supaya tidak sampaikan maklumat palsu kepada rakyat

SHAH ALAM

**M**enteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub mengingatkan kepada semua pihak termasuk pengamal media supaya tidak memanipulasi isu dan menyampaikan berita kurang tepat kepada rakyat lebih-lebih lagi berkaitan isu agama dan kaum.

Menurut Salahuddin, perkara tersebut tidak membawa sebarang kebaikan, malah meretakan hubungan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

"Kerajaan hari ini menunaikan janji dengan memberikan kebebasan media, kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun yang sememangnya tidak berlaku sebelum ini.

"Tiada sekatan atau ugutan kepada pihak media dalam melaporkan berita dan maklumat, namun begitu ada pihak memanipulasi dan memalsukan maklumat menerusi kebebasan di media sosial," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Menurutnya, kebebasan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan yang diberikan perlu dihargai semua rakyat di negara ini.

"Rakyat perlu bertanggungjawab dengan setiap tindakan mereka. Jangan sengaja mengapi-apikan atau memanipulasi isu yang boleh mengundang rasa kurang senang antara kaum atau menyebabkan ketegangan," katanya.

- Beliau menjelaskan kerajaan hari ini mempertahankan semua perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sama seperti yang dijanjikan ketika menjadi pembangkang.

"Sepanjang saya menjadi menteri, tiada satu keputusan yang dilihat cuba menggugat teras dalam Malaysia.

"Mungkin ada sedikit isu seperti Konvensyen Antarabangsa Mengenai Pembasmian Diskriminasi Kaum (ICERD), Statut Rom, kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kasim, isu

tanglung dan isu sambutan Ponggal. Ia dikendalikan dengan baik oleh kerajaan dengan mendengar pandangan rakyat.

"Namun begitu, dalam soal tanglung dan Ponggal, mengapa ada pihak sengaja menjadikan ia sebagai isu yang boleh menyebabkan rasa hormat antara kaum di negara ini menipis.

"Kita tolak perkara seumpama ini kerana sekian lama kita meraikan perayaan antara kaum, tiba-tiba apabila kerajaan PH memerintah, ia menjadi suatu isu," katanya.

Beliau turut menyifatkan usaha Penerbit *Sinar Harian*, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob yang menggerakkan kempen Uninstall Kebencian: Reboot #Malaysia-Harmoni sebagai langkah mengukuhkan perpaduan dan menolak kebencian antara kaum.

"Kerajaan sentiasa menyokong usaha sebegini kerana keamanan Malaysia bergantung kepada keutuhan perpaduan pelbagai kaum," katanya.

Jangan sengaja mengapi-apikan atau memanipulasi isu yang boleh mengundang rasa kurang senang antara kaum atau menyebabkan ketegangan."

- Salahuddin



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2020	HARIAN METRO	LOKAL	20

## Ancaman ikan baung ekor merah

**Jerantut:** Kebanjiran ikan baung ekor merah di Sungai Pahang di sini, dikhuatiri mengancam spesies ikan sungai tempatan hingga menjejaskan sumber pendapatan nelayan.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, pihaknya memandang serius kebanjiran ikan baung ekor merah di Sungai Pahang yang menjadi pemangsa kepada ikan asli sungai berkenaan.

Katanya, jabatan sentiasa memantau dan mengawasi kehadiran ikan baung ekor merah di negeri itu dengan membantu nelayan sungai mengurangkan pembiakan ikan pemangsa yang berasal dari Sungai Mekong, Vietnam itu.

“Saya meminta nelayan sungai memberi maklumat kepada kami mengenai lokasi ikan itu banyak ditemui supaya kerja menangkap ikan dapat dilakukan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Bersama Penternak Ikan Daerah di Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlok di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Jabatan Perikanan minta nelayan lapor kemunculan baung ekor merah



serta menjadi pemangsa kepada spesies tempatan.

JERANTUT: Jabatan Perikanan tidak menolak kehadiran spesies ikan dari luar seperti baung ekor merah mengancam spesies ikan sungai tempatan sehingga menyebabkan sumber pendapatan nelayan sungai terjejas. Susulan itu Ketua Pengarahnya, Datuk Munir Mohd Nawi, berkata jabatan akan membantu nelayan sungai mengurangkan pembiakan spesies ikan berasal dari Sungai Mekong, Vietnam itu bagi memastikan spesies tempatan tidak pupus .

Beliau turut meminta nelayan sungai memberi maklumat kepada Jabatan Perikanan jika mengetahui lokasi kewujudan spesies ikan berkenaan.

"Jabatan memandang serius kebanjiran ikan baung ekor merah di Sungai Pahang kerana spesies berkenaan boleh menjadi dominan dan membiak

"Jika nelayan mengetahui lokasi kewujudan spesies ikan itu, maklumkan kepada kami untuk menangkap ikan berkenaan," katanya selepas menghadiri Program Bersama Penternak Ikan Daerah di Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlok, hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman; Pengarah Bahagian Pembangunan Akuakultur, Yeo Moi Eim dan Ketua PPA Perlok, Mohd Nasir Muhamad.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas apa tindakan Jabatan Perikanan bagi menghapus ikan baung ekor merah yang dikatakan banyak membiak di sungai Pahang di sekitar Kuala Krau hingga mengancam spesies ikan tempatan.

Munir berkata, jabatan juga menimbang untuk menggunakan kaedah biologi bagi menghapus pembiakan ikan pemangsa itu.

Sementara itu, beliau mengingatkan pengusaha ikan hiasan tidak membuang ikan peliharaan mereka ke dalam sungai atau longkang kerana ia boleh mengganggu keseimbangan biodiversiti habitat spesies ikan asal di sungai negara ini.

Beliau berkata, pengusaha ikan hiasan perlu mematuhi larangan mengimport, menjual, memelihara atau menyimpan genus ikan hidup dari luar bagi mengelak spesies itu memusnahkan hidupan asal jika terlepas ke sungai.

Dalam pada itu katanya, Jerantut dijangka akan menjadi pusat pengeluaran ikan patin buah terbesar di negara ini dalam masa lima tahun akan datang.

"Kita akan melatih 20 usahawan yang terbabit dalam bidang aquakultur di sekitar PPA Perlok ini untuk membekalkan benih ikan berkenaan kepada penternak yang berminat," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini PPA Perlok berjaya menghasilkan kira-kira 29,000 benih ikan patin buah dalam tempoh lima tahun lalu untuk dilepaskan ke sungai di negeri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2020	HARIAN METRO	LOKAL	20

## Cuba seludup produk pertanian

**Bukit Kayu Hitam:** Cubaan pihak tertentu membawa masuk produk pertanian dari negara jiran gagal apabila dikesan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Barangan itu antaranya, 2,500 kilogram (kg) serai, 800kg salad, buah mangga (500kg), daun ketumbar 300kg, terung 200kg dan jagung kecil 200kg yang semuanya dianggarkan RM4,500.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind berkata, rampasan dibuat jam 11.30 malam Isnin lalu selepas mengesan lori muatan itu di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan Malaysia (ICQS), di sini.

Katanya, tiada tangkapan dibuat.

“Pemeriksaan mendapati semua barangan tiada permit import dengan maklumat mengelirukan dalam Sijil Perakuan Pematuhan.

“Barangan itu dirampas dan disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya dalam kenyataan, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

## MAQIS rampas keluaran pertanian, sotong kering



**BUKIT KAYU HITAM:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berjaya menghalang kemasukan produk pertanian dari negara jiran yang tidak mematuhi syarat import yang ditetapkan.

Rampasan pada jam 11.30 malam Isnin lalu dilakukan ketika lori yang membawa pelbagai hasil keluaran pertanian cuba melalui Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan Malaysia (ICQS) di sini.

Pengarah MAQIS Kedah, Lily Rosalind, berkata hasil pemeriksaan mendapati lori itu dikesan cuba membawa masuk keluaran pertanian terbabit dengan memberi maklumat yang tidak tepat dan mengelirukan pada Sijil Perakuan Pematuhan.

Katanya, antara keluaran pertanian yang dirampas adalah serai seberat 2,500 kilogram (kg), salad (800 kg), mangga (500 kg), ketumbar (300 kg), terung (200 kg) dan jagung sayur (200 kg).

"Jumlah rampasan itu dianggarkan RM4,500, bagaimanapun tiada tangkapan dilakukan dalam kes ini

"Keluaran pertanian itu dirampas dan akan disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, dalam rampasan berasingan Isnin lalu, MAQIS turut merampas sotong kering yang cuba diekspor ke Thailand secara tidak sah melalui laluan kereta di kompleks ICQS di sini, pada jam 7.30 malam.

Lily Rosalind berkata, hasil pemeriksaan terhadap kereta jenis Toyota Camry bernombor pendaftaran Thailand yang dipandu seorang lelaki mendapati terdapat empat kotak sotong kering di bahagian belakang bonet kereta terbabit.

Beliau berkata, anggaran berat sotong kering yang dianggarkan 40 kg itu dirampas dengan anggaran nilai mencecah RM3,880.00.

"Kesemua sotong kering itu dirampas kerana tidak mempunyai permit eksport yang dikeluarkan daripada MAQIS.

"Perbuatan mengeksport keluaran pertanian tanpa permit yang sah adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

## Pelan damai Palestin - Israel

# 'Agenda licik Barat halau rakyat Palestin'

**Kuala Lumpur:** Pelan damai tajaan Amerika Syarikat (AS) bagi menyelesaikan konflik Palestin-Israel bukan sahaja bercanggah pendirian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), malah mengecewakan masyarakat antarabangsa.

Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata pelan diumumkan Presiden AS, Donald Trump dan rakan sekutunya, Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu boleh menyebabkan lebih banyak serangan berdarah berlaku selepas ini.

"Penetapan ibu negara Israel dipindahkan dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis, bakal membuka pe-

nyelesaian dua negara, hakikatnya, tiada perdamaian yang tercapai," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Salahuddin yang juga Pengerusi Biro Antarabangsa AMANAH menyifatkan pelan damai itu sebagai agenda licik Barat menghalau rakyat Palestin dari tanah asal mereka, termasuk di Lembah Jordan.

Katanya, pengisytiharan oleh Trump sebagai 'Deklarasi Balfour Baharu' hanya memusnahkan impian dunia melihat sebuah rantau yang bebas daripada konflik dan pergolakan berdarah.

"AMANAH bersama seluruh rakyat Malaysia yang cintakan keamanan mengajak dunia Is-

lam, Timur dan Barat untuk bersatu hati menyatakan bantahan sekeras-kerasnya terhadap pengumuman terbabit.

"Dunia harus bangkit menamatkan bantahan bagi mencegah lebih banyak pertumpahan darah berlaku. Tiada keraguan lagi bahawa pengumuman Trump dan Netanyahu itu bercanggah pendirian PBB," katanya.

Trump sebelum ini mengumumkan pelan untuk Asia Barat yang jelas menyokong Israel, tetapi turut menawarkan laluan Palestin ke negara tertentu.

**Tolak pelan damai Trump**  
**Muka 49**



Salahuddin Ayub

luang kepada rejim Zionis untuk membelakangkan kedaulatan undang-undang antarabangsa dan menindas penduduk Palestin.

"Walaupun Trump mengangap pelan terbabit memenuhi 'sikap menang-menang' melalui

# Hasil penyelidikan UMP diguna syarikat pertanian Qatar

Kuala Lumpur: Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai ikatan kerjasama strategik dengan syarikat pembekal sistem dan hasil tanaman daripada kaedah rumah hijau di Qatar, Agricofor Agricultural Development (Agrico), di sini, baru-baru ini.

Kerjasama UMP itu membabitkan bidang penyelidikan, pembangunan produk, pengkomersialan dan pertukaran kepakaran bagi kegunaan pertanian yang akan diguna pakai di rumah hijau milik Agricofor di Doha.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu disempurnakan Naib Canselor UMP, Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengerusi Pembangunan Projek Antarabangsa Agricofor, Ahmed Hussain Al-Khalaf dengan disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Ibrahim Ahmad serta Duta Negara Qatar di Malaysia, Fahad Mohammed Kafoud.

Yang turut hadir, Ketua Pengerang Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamad, Pegawai Daerah Ca-

meron Highlands, Datuk Ishak Mohd Napis dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof Dr Kamal Zuhairi Zaimli.

Prof Wan Azhar berkata, kerjasama strategik dengan Agricofor itu diharapkan dapat memanfaatkan UMP dalam berkongsi kepakaran bagi menepati keperluan industri pada masa hadapan, bukan hanya di dalam negara, tetapi juga pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, jalinan kerjasama itu juga akan meningkatkan kredibiliti UMP dalam menerajui program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) aras tinggi.

Selain formulasi baharu yang akan dibangunkan, katanya, kolaborasi itu turut membabitkan penerokaan peluang pengkomersialan produk cecair baja organik dengan prebiotik yang dinamakan Fre-Pecto pada skala besar yang mana produk berkenaan sudah diguna pakai Agricofor pada skala kecil sebelum ini dan memberikan hasil yang sangat baik.



Prof Wan Azhar dan Ahmed Hussain bertukar dokumen serpena Majlis Menandatangani MoU, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Saya amat berbangga dengan hasil serta usaha yang sudah dan sedang dijalankan oleh penyelidikan UMP, Dr Noormazlinah Ahmad serta Dr Siti Hajar Noor Shaarani dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKPP) yang terbabit dalam kerjasama ini.

"Semoga lebih ramai penyelidikan UMP berusaha untuk me-

roakai peluang kerjasama pada peringkat antarabangsa terutama di negara Islam seluruh dunia," katanya.

UMP menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan apabila memenangi Malaysia's Research S74R Award 2019 bagi kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan

inovasi untuk kategori universiti bukan penyelidikan apabila berjaya menghasilkan lebih 600 harta intelek (IP) sejak 10 tahun lalu.

Selain itu, pendapatan hasil pengkomersialan di UMP pula mejujukkan RM6 juta sepanjang lapan tahun lalu, tidak termasuk hasil daripada aktiviti perundingan dan perkhidmatan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2020	HARIAN METRO	LOKAL	20

### Pesta di sawah



**FENOMENA** jerami gulung bukan sahaja menarik perhatian penduduk setempat malah dari luar untuk berkunjung ke Kampung Sedaka di Yan, Kedah. Longgokan jerami gulung yang menghiasi sawah padi di beberapa kawasan di utara seperti Perlis dan Kedah menjadi satu fenomena untuk orang ramai merakam video dan gambar menjadikan seakan-akan mereka berada luar negara. Program mengumpul jerami padi itu dilaksanakan sejak 2006 dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (Jas). Jika musim panas lebih lama, jerami menjadi lebih kuning dan berwarna keemasan. Proses menuai dan menggulung jerami itu pula menggunakan mesin khas yang diimport dari Itali. - Bernama

# Cool job for youths - drone piloting at padi fields

**SUNGAI BESAR:** Muhammad Ikmal Hafzi Mohd Nazri's selflessness in quitting his job to return to his family home in the countryside in Sungai Besar, Selangor, to care for his unwell parents, has been unexpectedly rewarded with a new job as a drone pilot.

The 25-year-old enthusiast of remote control gadgetry had never imagined having a job which would be in sync with his hobby and, more so, to be able to do it back home.

"After I returned to look after my parents, I heard from friends that Koperasi Wawasan Tani Bhd Sempang Lima (farmers cooperative) was looking for a drone operator, so I applied and was appointed."

Muhammad Ikmal Hafzi was one of six successful candidates chosen from a pool of 30 applicants to fly the drones for the purposes of



**Dream job:** Muhammad Ikmal Hafzi piloting a drone in a padi field in Kampung Simpang Lima in Sungai Besar, Selangor.

at a time. Muhammad Ikmal Hafzi and Mohd Afiq have learned to control the flying altitude of the equipment and to operate the drones from 6.30am to 11am, and 5pm to midnight, when insects are active.

The pair are also part of the cooperative's youth club Kelab Belia Wawasan and have been certified to work as drone pilots for the cooperative.

As for the income earned by drone pilots, both young men describe it as "appropriate".

"Many people have asked me why I'm working in the padi fields when I have a diploma.

"I tell them that I feel satisfied that I get to have a job I enjoy with suitable pay," explained Muhammad Ikmal Hafzi. — Bernama

using or insecticide to sprinkle over the fields, with an average plot measuring about two hectares.

Mohd Afiq, a Malaysian Skills Certificate holder, is among the first few drone pilots of the cooperative and has operated various drones including the DJI Agras MG1, a pioneer model used for padi farms in the area and requiring two pilots

spraying fertiliser and insecticide over padi fields.

The young man and fellow drone pilot, Mohd Afiq Haziq Sulaiman, 25, have jointly made modifications to the drones including battery usage based on the size of padi fields being attended to — these changes have enabled the drones to carry an optimum amount of fertil-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2020	MY METRO	ONLINE	

## 'Pilot' muda tabur bakti di sawah



MOHD Afiq menerbangkan dron bagi kerja-kerja membaja dan menyembur racun untuk tanaman padi di Kampung Simpang Lima. FOTO BERNAMA BERNAMA

NIAT murni Muhammad Ikmal Hafizi Mohd Nazri, 25, yang sanggup berhenti kerja untuk menjaga kedua ibu bapanya di kampung kini terbalas apabila memperoleh kerjaya baharu dengan menerbangkan dron bagi tugas membaja dan menyembur racun untuk tanaman padi.

"Apabila saya pulang ke kampung untuk menjaga ibu bapa yang kurang sihat, saya dapat tahu melalui rakan bahawa Koperasi Wawasan Tani Bhd Simpang Lima sedang mencari pengendali dron maka saya memohon kerja itu sebelum dilantik untuk menerbangkan gajet itu," katanya.

Menurutnya, dia dipilih untuk menerbangkan dron bagi membaja dan menyembur racun dalam proses penanaman padi.

Digelar sebagai 'pilot', Ikmal bersama rakan sekerja, Mohd Afiq Haziq Sulaiman, 25, sudah melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memantapkan lagi penggunaan dron di samping dapat mengelak daripada sebarang masalah.

Sementara itu, Afiq yang juga pemegang Sijil Kemahiran Malaysia berkata, mereka mengubah suai dron itu mengikut ketetapan yang sesuai daripada segi penggunaan bateri dan kapasiti racun yang boleh digunakan untuk satu lot sawah padi.

"Kami kena tahu berapa tong yang sesuai bagi menyembur racun dengan efektif. Selepas melakukan R&D, kami mengubah suai dron itu supaya boleh membawa 10 liter racun dengan kawalan bateri yang sesuai," katanya.

Selain itu, katanya mereka perlu belajar mengawal ketinggian dron dan masa yang sesuai untuk menyembur racun supaya usaha menghapuskan penyakit pada padi dan serangan serangga seperti ulat batang, berkesan.



MOHD Afiq (dua dari kanan) bersama rakannya menyiapkan kelengkapan dron sebelum menerbangkan bagi kerja-kerja membaja dan menyembur racun. FOTO BERNAMA

Afiq adalah antara 'pilot' terawal yang menerbangkan dron untuk penanaman padi, dan sudah mengendalikan pelbagai jenis dron termasuk DJI Agras MG1, model dron pertama digunakan di sawah padi yang memerlukan dua pengendali.

Selain itu, Ikmal dan Afiq juga berdaftar dengan Kelab Belia Wawasan di bawah koperasi dan diakui oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk melayakkan mereka mendapat latihan dan bekerja sebagai 'pilot' di koperasi itu.

- Waktu kerja mereka setiap hari adalah dari pukul 6.30 pagi hingga 11 pagi dan 5 petang hingga tengah malam kerana ia adalah waktu aktif serangga perosak.

"Kami boleh tolong pesawah dan bekerja sampai lewat malam, tapi kami juga perlu minta tolong dengan pesawah supaya mengalihkan kayu atau dahan tinggi yang ada di tengah sawah untuk memudahkan perjalanan dron," katanya.

Mengulas aspek pendapatan, Ikmal dan Afiq amat berpuas hati dengan gaji yang diterima ditambah pula dengan waktu bekerja yang fleksibel.

"Ramai yang tanya, kenapa saya kerja di sawah memandangkan saya ada diploma. Saya berasa sangat puas hati dapat menjadikan minat sebagai kerjaya dalam masa yang sama mendapat gaji yang sesuai," kata Ikmal yang sudah membawa dron sejak akhir tahun lalu.

Mereka juga berharap bilangan dron dapat ditingkatkan bagi menarik lebih ramai belia untuk bekerja di sawah yang kini amat memerlukan tenaga darah muda.

"Kita tidak mempunyai dron yang cukup sekarang tetapi ramai sudah meminta untuk bekerja di sawah dengan harapan untuk menerbangkan dron," kata Afiq.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Sibu boleh main peranan tingkatkan pengeluaran makanan segera



SIBU - Sibu boleh memainkan peranan penting dalam memenuhi hasrat kerajaan persekutuan untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara  
Ketua Menteri, Datuk Patinggi Dr Abang Johari Tun Openg berkata, dengan kawasan pedalaman yang luas di tengah Sarawak, adalah wajar bagi bandar yang dahulunya terkenal dengan pengeluaran balak untuk menjadikan sektor pertanian bagi pengeluaran makanan sebagai salah satu tumpuan ekonomi.  
Beliau berkata, kerajaan persekutuan telah menyenaraikan bantuan negeri ini untuk menaik taraf status indeks keselamatan makanan negara yang berada pada kedudukan ke-28 tahun dalam Indeks Makanan Makanan Global (GFSI) pada tahun lepas.  
"Ini jauh di bawah Singapura yang menduduki tempat pertama. Ironinya, bagi sebuah negara yang mempunyai kawasan tanah yang kecil, ini adalah sesuatu yang kita perlu fikirkan dan melakukan sesuatu yang konkrit mengenainya," katanya dalam ucapannya pada

perhimpunan Tahun Baru Cina anjuran Persatuan Cina Persatuan Sibu (UCA Sibu) di sini Selasa malam.  
Dalam teks ucapan yang dibaca oleh timbalannya Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Abang Johari berkata, dengan kemerosotan industri perkayuan, rakyat di Sibu perlu menyesuaikan diri dengan keperluan zaman yang berubah-ubah.  
Abang Johari berkata, kerajaan negeri memperuntukkan RM800 juta untuk pembangunan pertanian tahun ini melalui Kementerian Pemodelan Pertanian dan sejumlah RM300 juta disediakan bagi membantu pekebun kecil.  
"Semua dana ini perlu digunakan sepenuhnya untuk merubah pertanian kita menjadi industri, terutamanya dengan penggunaan teknologi," katanya.  
Pada masa ini, sektor pertanian di Sarawak hanya menyumbang kira-kira 15 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) negara di mana ia menghadapi defisit makanan kira-kira RM4 bilion pada 2018 dan mungkin meningkat kepada RM6 bilion jika tiada usaha dilakukan untuk meningkatkan pengeluaran makanan.  
Presiden UCA Sibu Ngieng Ping Sing berkata, Sibu telah kehilangan daya saing dan keupayaan dalam ekonomi serantau keseluruhan ekoran kekurangan infrastruktur.  
Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar RM1 bilion dilaburkan oleh kerajaan untuk meningkatkan kemudahan pengangkutan awam, pelancongan dan industri lain dalam tempoh lima tahun untuk meningkatkan pembangunan ekonomi Sibu.  
Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Abdul Taib Mahmud dan isteri Toh Puan Ragad Kurdi Taib adalah antara orang kenamaan yang hadir pada majlis itu. - Bernama